

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

UNIT 17: MESRA TEKNOLOGI

SP: 2.1.1 Membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.

Tajuk: Teknologi Imbasan Wajah

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 128. Kenal pasti maklumat tersurat dan tersirat untuk berikan respons. Kemudian, seret jawapan yang sesuai untuk melengkapkan maklumat dan dialog di bawah berdasarkan teks yang telah dibaca.

Azim, abang Amira, menerima perkongsian pautan akhbar daripada rakannya di Kedah melalui aplikasi Telegram.

Rencana

ALOR SETAR, 3 Mei – SMK Tunku Abdul Aziz telah memperkenalkan penggunaan sistem pengimbas wajah untuk merekodkan kehadiran murid, guru dan kakitangan sekolah itu.

Penggunaan mesin pengimbas wajah yang lebih mesra pengguna itu ialah alternatif bagi mengatasi kekurangan pada mesin pengimbas jari sebelumnya. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah murid, guru dan kakitangan mempunyai masalah dalam imbasan cap jari. Kesannya, catatan rekod kedatangan tidak tepat.



Perkembangan teknologi terkini itu selaras dengan Pembelajaran Abad Ke-21 yang dapat menarik minat murid terhadap teknologi maklumat dan komunikasi. Pihak pembangun aplikasi akan memasukkan butiran peribadi murid, guru dan kakitangan sekolah terlebih dahulu. Kemudian, pengguna hanya perlu berdiri di hadapan mesin pengimbas. Sistem akan mengenal pasti 30 titik sudut mata mereka dalam proses mengimbas wajah sebelum data mereka disimpan.

Dua inisiatif tersebut membantu pihak sekolah mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan murid. Guru dapat mengenal pasti identiti mereka kerana mesin pengimbas dihubungkan dengan aplikasi Papatih MySekolah yang menyimpan segala rekod kedatangan dan masalah disiplin murid. Pihak sekolah juga berharap agar teknologi ini dapat digunakan untuk imbasan suhu warga sekolah pula pada masa hadapan.

Warga sekolah teruja akan teknologi imbasan wajah ini. Selain dapat mengurangkan masalah disiplin, penggunaan mesin ini menjimatkan masa guru. Guru tidak perlu lagi menandakan buku rekod kedatangan murid pada setiap pagi.



Info

Aplikasi Papatih MySekolah ialah aplikasi telefon pintar yang memaparkan kes disiplin dan sahsiah murid. Aplikasi ini boleh diakses oleh pentadbir dan ibu bapa.

(Sumber: SMK Tunku Abdul Aziz, Kedah)

Nama:

Tarikh:

Seterusnya, Azim menghubungi rakannya itu untuk memberikan respons atas perkongsianannya.



Nadia
dalam talian

Hai, Nadia! Terima kasih atas perkongsian maklumat itu. Untuk makluman kamu, sekolah saya masih menggunakan teknologi imbasan cap jari untuk merekodkan kehadiran murid. Pihak sekolah sedang berusaha untuk menaik taraf sistem kepada teknologi imbasan wajah. Kini, teknologi imbasan cap jari dapat merekodkan kehadiran murid dengan pantas, walaupun masih ada masalah dari segi teknikal.



Teknologi imbasan cap jari



Teknologi imbasan wajah

- imbasan melalui cap jari
- merekodkan kehadiran murid, guru dan kakitangan sekolah
- membendung masalah disiplin murid

- imbasan melalui mata membolehkan **1**
- merekodkan **2**
- mengawal masalah disiplin **3**

Apakah maklumat yang ingin abang kongsi?

Mengapakah teknologi imbasan wajah dapat menangani masalah disiplin murid?

Abang ingin berkongsi maklumat tentang kelebihan teknologi imbasan wajah. **4**

Teknologi imbasan wajah dapat menangani masalah disiplin seperti ketidakhadiran murid kerana **5**.

Pihak sekolah mengenal pasti identiti murid

Teknologi ini digunakan untuk merekodkan maklumat kehadiran guru, murid dan kakitangan sekolah.

Kehadiran murid

guru tidak perlu lagi menanda buku kedatangan murid pada setiap pagi.

murid